



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**PROGRAM BERAMBEH DI KAMPUNG SANTUBONG:  
‘SANTUNI WARISAN KITA’**

**05 OGOS 2023 (SABTU)**

**KAMPUNG SANTUBONG, SARAWAK**

**Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan  
Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

**SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

**PENDAHULUAN**

1. Saya begitu teruja kerana kita dapat bersama-sama dalam **Program Bersama Komuniti, Berambeh Di Kampung Santubong: “Santuni Warisan Kita”**, yang merupakan salah satu daripada program bersempena dengan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2023 Peringkat Kebangsaan kali ke-27 di Kuching, Sarawak.
  
2. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Induk Sambutan ini dan komuniti Kampung Santubong kerana menjemput saya untuk hadir bersama-sama ke program ini.

3. Saya turut ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran semua delegasi yang **mewakili muzium-muzium (27) dari seluruh negara** ke program pada pagi ini. Begitu juga dengan Komuniti Rukun Tetangga Kampung Santubong dan lain-lain agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini.

### **MUZIUM SEBAGAI MEDIUM PERPADUAN**

YBhg. Datuk, Dato' dan hadirin sekalian,

4. Penganjuran Program Bersama Komuniti, Berambeh Di Kampung Santubong : ‘Santuni Warisan Kita’ ini adalah selaras dengan objektif Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2023 Peringkat Kebangsaan iaitu:-

4.1 Untuk memberi peluang dan kesempatan kepada orang ramai mengunjungi serta **mengenali muzium dengan lebih dekat** dan mengeratkan perpaduan pelbagai lapisan masyarakat melalui penyertaan dalam aktiviti permuziuman;

**4.2 Mewujudkan perpaduan serta jaringan kerjasama yang erat di kalangan muzium; dan**

**4.3 Muzium sebagai medium perpaduan untuk mendukung aspirasi Malaysia MADANI.**

5. Muzium boleh membantu memupuk semangat cintakan negara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat, terutama menerusi program sebegini. Kementerian pada masa sama akan **menerokai lebih banyak tapak integrasi sosial** supaya rakyat dapat berinteraksi antara satu sama lain dan mencipta '*feel good factor*'.
6. Pelaksanaan program ini adalah satu landasan terbaik kepada masyarakat mengenal dengan lebih mendalam sejarah negara apabila dapat melihat dan memahami dengan lebih dekat apa yang dipamerkan di muzium serta melalui tapak - tapak integrasi atau arkeologi.

7. Seperti telah dinyatakan oleh YAB Premier Sarawak dalam Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan iaitu “**Ini kerana masa lalu menentukan masa kini dan masa kini menentukan masa depan**”. Oleh itu, pentingnya untuk mengenali dan menghayati sejarah negara. Khususnya pada hari ini kita akan melawat dua tapak arkeologi bersejarah iaitu **Tapak Arkeologi Bongkisam** dan **Tapak Arkeologi Sg. Jaong**. Kita seharusnya ingat bahawa “***a generation which ignores history has no past and no future***”

## **PROGRAM BERSAMA KOMUNITI TEMPATAN**

8. Program Berambeh di Kampung Santubong ini merupakan program bersama komuniti tempatan yang bertujuan untuk **merapatkan institusi permuziuman dengan masyarakat tempatan**. Ia adalah contoh program komuniti di peringkat Kawasan Rukun Tetangga yang menjadi tapak integrasi sosial pelbagai kaum yang turut melibatkan jentera-jentera perpaduan.

9. Dal hal ini, Kementerian komited untuk memperkasakan peranan KRT di peringkat akar umbi menerusi kerjasama di antara Kementerian dan agensi berkaitan. Bagi memperkasakan **peranan KRT sebagai penggerak komuniti progresif**, Jentera Rukun Tetangga diharapkan akan terus memperhebatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan efisien untuk membangunkan komuniti maju, makmur dan sejahtera.
10. Besar harapan saya agar muzium-muzium negeri mahupun institusi di negara ini terus komited dan konsisten menghasilkan inisiatif berimpak tinggi melalui pelbagai pengisian program dan **aktiviti permuziuman yang dapat memperkuuh jalinan muhibah** serta ikatan perpaduan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.
11. Saya percaya bahawa jentera ini akan telus melaksanakan aktiviti yang memberi fokus kepada isu-isu dan penyelesaian masalah setempat serta yang bersesuaian dengan kumpulan sasar masing-masing. Sentiasalah santuni pelbagai lapisan masyarakat dalam program-program yang dilaksanakan dan binalah jambatan perpaduan yang

merentasi jurang agama, etnisiti dan kaum untuk kita bangunkan Malaysia yang gah di mata dunia.

## **PENUTUP**

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru kepada semua agar dapat terus menghayati konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan mengamalkan nilai toleransi dalam membina masyarakat MADANI yang bersatu padu dan berdaya saing.
13. Selaku peneraju kepada agenda perpaduan negara, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sehingga ke peringkat akar umbi merentasi agama, etnik dan budaya dalam usaha mempromosi perpaduan pelbagai kaum.
14. Akhir kata dengan penuh rasa gembira, **dengan ini saya merasmikan Program Bersama Komuniti, Berambeh Di Kampung Santubong : “Santuni Warisan Kita”.**

Sekian, terima kasih.